

Bil. S 77

**AKTA MAHKAMAH BESAR
(PENGAL 5)**

**ATURAN-ATURAN DARI ATURAN-ATURAN MAHKAMAH BESAR
(PINDAAN) (BIL. 2), 2000**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 12 dari Akta Mahkamah Besar, maka Hakim-Hakim Mahkamah Besar, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Aturan-Aturan Mahkamah yang berikut —

Gelaran dan pengenalan.

1. (1) Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan dari Aturan-Aturan Mahkamah Besar (Pindaan) (Bil. 2), 2000.

(2) Aturan-Aturan ini hendaklah dikenakan kepada tiap-tiap tindakan dalam Mahkamah pada atau selepas tarikh permulaan kuatkuasa Aturan-Aturan ini, sama ada atau tidak tindakan itu dimulakan sebelum tarikh tersebut.

Pindaan Perintah 1 dari S 5/90.

2. Perintah 1 dari Aturan-Aturan Mahkamah Besar, dalam Aturan-Aturan ini disebut sebagai Aturan-Aturan utama, adalah dipinda —

(a) dalam aturan 4, dengan menambah aturan kecil baru yang berikut —

"(4) Dalam aturan-aturan ini, melainkan jika terdapat peruntukan yang berlawanan, seseorang Hakim hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan sebarang kuasa atau bidang kuasa yang menurut aturan-aturan ini terletak pada Pendaftar.";

(b) dengan menambah aturan baru yang berikut —

"Urusan melalui pos, faks atau mel elektronik.
(P. 1, a. 7).

7. Tiada sebarang apa pun dalam aturan-aturan ini boleh menjejaskan sebarang kuasa untuk mengawalselia amalan Mahkamah dengan memberikan arahan yang membolehkan sebarang urusan atau jenis urusan dijalankan melalui pos, faks atau mel elektronik."

Pindaan Perintah 18.

3. Perintah 18 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda dalam aturan 11 dengan memasukkan tiga aturan kecil baru yang berikut sejurus selepas aturan kecil (1) —

"(1A) Tertakluk kepada perenggan (1B), plaintif dalam tindakan kerana kecederaan diri hendaklah menyampaikan bersama pernyataan tuntutan —

(a) suatu laporan perubatan; dan

(b) suatu pernyataan ganti rugi khas yang dituntut.

(1B) Jika dokumen-dokumen yang dikenakan perenggan (1A) tidak disampaikan bersama pernyataan tuntutan, Mahkamah boleh —

(a) menentukan tempoh masa dokumen-dokumen tersebut diberikan; atau

(b) membuat perintah lain sebagaimana yang difikirkannya patut (termasuk suatu perintah yang mengenenpikan kehendak-kehendak perenggan (1A) atau menangguhkan prosiding).

(1C) Bagi maksud-maksud aturan ini —

"laporan perubatan" bermakna suatu laporan yang mengesahkan semua kecederaan diri yang dikatakan dalam pernyataan tuntutan yang plaintif bercadang untuk mengemukakannya sebagai keterangan sebagai sebahagian dari kesnya dalam perbicaraan;

"pernyataan ganti rugi khas yang dituntut" bermakna suatu pernyataan yang memberikan butir-butir penuh ganti rugi khas yang dituntut kerana perbelanjaan dan kerugian yang sudah ditanggung dan suatu anggaran sebarang perbelanjaan dan kerugian masa-depan (termasuk kehilangan pendapatan dan hak pencen).".

Pindaan Perintah 20.

4. Perintah 20 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda dengan menambah aturan baru yang berikut —

"Pindaan
dengan
persetujuan.
(P. 20, a. 11).

11. (1) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Perintah ini yang tersebut di atas, sebarang pliding dalam sebarang guaman atau perkara boleh, dengan persetujuan bertulis di antara pihak-pihak tersebut, dipinda pada sebarang peringkat prosiding.

(2) Aturan ini tidaklah berkuatkuasa berhubung dengan pindaan kepada suatu tuntutan balas yang mengandungi tambahan, peninggalan atau penggantian suatu pihak.".

Pindaan Perintah 22A.

5. Perintah 22A dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda dalam aturan 9(1) dengan memotong "and costs on the indemnity basis from that date," dari dua baris terakhir.

Pindaan Perintah 30.

6. Perintah 30 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan aturan baru yang berikut sejurus selepas aturan 3 —

"Penyampaian. 3A. Satu salinan penghakiman atau perintah yang melantik seseorang penerima hendaklah disampaikan oleh pihak yang menjalankan prosiding ke atas penerima tersebut dan semua pihak lain dalam guaman atau perkara di mana penerima tersebut telah dilantik.";

(b) dengan menambah aturan baru yang berikut —

"Arahan. 7. Seseorang penerima boleh pada bila-bila masa meminta supaya Mahkamah memberikan kepadanya arahan dan permintaan tersebut hendaklah menyatakan secara bertulis perkara-perkara yang berhubung dengannya arahan dikehendaki.".

Pindaan Perintah 32.

7. Perintah 32 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda dengan menambah aturan baru yang berikut —

"Nota prosiding dalam Kamar 17. (1) Suatu nota hendaklah disimpan mengenai semua prosiding dalam Kamar, dengan suatu pernyataan ringkas tentang perkara-perkara yang diputuskan pada setiap pendengaran.

(2) Nota yang dinyatakan dalam perenggan (1) adalah sulit dan rahsia dan tidaklah boleh didedahkan kepada mana-mana orang tanpa kebenaran Hakim atau Pendaftar yang berkenaan.".

Pindaan Perintah 38.

8. Perintah 38 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda —

(a) dengan memotong tajuk dan menggantikannya dengan yang berikut —

"KETERANGAN

BAHAGIAN I

ATURAN-ATURAN AM";

(b) dengan menambah dua Bahagian baru yang berikut —

"BAHAGIAN II

KETERANGAN DENGAR CAKAP

Tafsiran
Penggai 108.
(P. 38, a. 24).

24. (1) Dalam Bahagian ini, "Akta" bermakna Penggal XII dari Akta Keterangan, dan sebarang ungkapan yang digunakan dalam Bahagian ini dan dalam Akta tersebut hendaklah mempunyai makna yang sama dalam Bahagian ini sebagaimana yang dipunyainya dalam Akta tersebut.

(2) Dalam Bahagian ini —

"keterangan dengar cakap" bermakna keterangan yang mengandungi dengar cakap dalam makna bab 169(2) dari Akta tersebut;

"notis dengar cakap" bermakna suatu notis di bawah bab 170 dari Akta tersebut.

(3) Bahagian ini dikenakan berkenaan dengan perbicaraan atau pendengaran sesuatu isu atau persoalan yang berbangkit dalam suatu guaman atau perkara dan kepada suatu rujukan, siasatan atau taksiran ganti rugi, sebagaimana ia dikenakan kepada perbicaraan atau pendengaran suatu guaman atau perkara.

Notis dengar
cakap.
(P. 38, a. 25).

25. (1) Suatu notis dengar cakap mestilah —

(a) menyatakan bahawa ia adalah notis dengar cakap;

(b) mengenalpasti keterangan dengar cakap;

(c) mengenalpasti orang yang membuat pernyataan yang akan diberikan sebagai keterangan;

(d) menyatakan mengapa orang itu tidak akan (atau tidak boleh) dipanggil untuk memberikan keterangan lisan; dan

(e) jika keterangan dengar cakap terkandung dalam suatu pernyataan saksi, merujuk kepada bahagian pernyataan saksi tersebut jika ia dinyatakan.

(2) Suatu notis dengar cakap tunggal boleh mengendalikan keterangan dengar cakap lebih daripada seorang saksi.

(3) Kehendak untuk memberikan suatu notis dengar cakap tidak dikenakan kepada —

(a) keterangan yang membenarkan untuk diberikan dengan atau dalam suatu affidavit; atau

(b) suatu pernyataan yang suatu pihak dalam suatu tindakan probet berhasrat untuk memberikannya sebagai keterangan dan yang dikatakan telah dibuat oleh orang yang harta pusakanya adalah menjadi perkara dalam tindakan tersebut.

(4) Tertakluk kepada perenggan (5), suatu pihak yang berhasrat untuk memberikan keterangan pada perbicaraan atau pendengaran suatu guaman atau perkara, keterangan dengar cakap, hendaklah —

(a) dalam hal suatu guaman atau perkara yang dikehendaki untuk ditetapkan bagi perbicaraan atau pendengaran atau ditangguhkan ke dalam Mahkamah, dalam masa 28 hari setelah guaman atau perkara tersebut ditetapkan atau ditangguhkan atau dalam tempoh lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Mahkamah; dan

(b) dalam sebarang hal lain, dalam masa 28 hari selepas tarikh penetapan bagi pendengaran pertama guaman atau perkara tersebut diperolehi atau dalam tempoh lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Mahkamah,

menyampaikan suatu notis dengar cakap kepada tiap-tiap pihak dalam guaman atau perkara tersebut.

(5) Jika pernyataan-pernyataan saksi disampaikan di bawah Perintah ini, sebarang notis dengar cakap yang disampaikan di bawah aturan ini hendaklah disampaikan sama masanya dengan pernyataan-pernyataan saksi.

Pemeriksaan
balas mengenai
keterangan
dengar cakap.
(P. 38, a. 26).

26. (1) Jika suatu pihak mengemukakan sebagai keterangan dengar cakap suatu pernyataan yang dibuat oleh seseorang tetapi tidak bercadang untuk memanggil orang yang membuat pernyataan tersebut untuk memberikan keterangan, Mahkamah boleh, atas permohonan, membenarkan pihak yang satu lagi untuk memanggil dan memeriksa balas orang yang membuat pernyataan tersebut mengenai isi kandungannya.

(2) Suatu permohonan di bawah perenggan (1) hendaklah dibuat dengan notis kepada semua pihak lain tidak lewat dari 28 hari setelah notis dengar cakap itu disampaikan.

(3) Jika Mahkamah membenarkan pihak yang satu lagi untuk memanggil dan memeriksa balas orang yang membuat pernyataan tersebut, Mahkamah boleh memberikan arahan sebagaimana yang difikirkannya patut untuk memastikan orang itu hadir dan tentang prosedur yang akan diikuti.

Keboleh-
percayaan.
(P. 38, a. 27).

27. (1) Jika —

(a) suatu pihak mengemukakan sebagai keterangan dengar cakap suatu pernyataan yang dibuat oleh seseorang tetapi tidak memanggil orang yang membuat pernyataan tersebut untuk memberikan keterangan lisan; dan

(b) pihak yang satu lagi ingin membidas kebolehpercayaan orang yang membuat pernyataan tersebut,

pihak yang satu lagi itu hendaklah memberitahu pihak yang mengemukakan keterangan dengar cakap tersebut tentang tujuannya.

(2) Suatu notis di bawah perenggan (1) hendaklah diberikan tidak lewat dari 28 hari setelah notis dengar cakap itu disampaikan.

Bidang kuasa.
(P. 38, a. 28).

28. Bidang kuasa Mahkamah di bawah aturan-aturan 24 hingga 27 boleh dijalankan dalam Kamar.

BAHAGIAN III

KETERANGAN PAKAR

Tafsiran.
(P. 38, a. 29).

29. Dalam Bahagian ini, sebutan kepada suatu saman untuk arahan termasuk sebutan kepada sebarang saman atau permohonan yang dikenakan sebarang aturan-aturan 2 hingga 7, dari Perintah 25.

Sekatan
mengenai
keterangan
pakar.
(P. 38, a. 30).

30. (1) Kecuali dengan kebenaran Mahkamah atau jika semua pihak bersetuju, keterangan pakar tidaklah boleh dikemukakan pada perbicaraan atau pendengaran sebarang guaman atau perkara melainkan jika pihak yang bertujuan untuk mengemukakan keterangan tersebut —

(a) telah memohon kepada Mahkamah untuk menentukan sama ada suatu arahan patut diberikan di bawah aturan 31 atau 34 (mengikut mana yang bersesuaian) dan telah mematuhi sebarang arahan yang diberikan atas permohonan tersebut; atau

(b) telah mematuhi arahan automatik yang berkuatkuasa di bawah Perintah 25, aturan 8(1)(b).

(2) Tiada sebarang apa pun dalam perenggan (1) boleh dikenakan kepada keterangan yang dibenarkan untuk diberikan dengan afidavit atau boleh menjejaskan penguatkuasaan di bawah sebarang peruntukan lain aturan-aturan ini (kecuali Perintah 45, aturan 5) suatu arahan yang diberikan di bawah Bahagian ini.

Arahan supaya
laporan
didedahkan.
(P. 38, a. 31).

31. (1) Tertakluk kepada perenggan (2), jika dalam sebarang guaman atau perkara, suatu permohonan dibuat di bawah aturan 30(1) berkaitan dengan keterangan pakar secara lisan, maka, melainkan jika Mahkamah menganggap bahawa terdapat alasan khas untuk tidak berbuat demikian, ia hendaklah mengarahkan supaya isi kandungan keterangan tersebut didedahkan dalam bentuk suatu laporan atau laporan-laporan bertulis kepada pihak-pihak lain dan dalam tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Mahkamah.

(2) Tiada sebarang apa pun dalam perenggan (1) boleh menghendaki suatu pihak untuk mendedahkan suatu laporan perubatan lanjut jika dia bercadang untuk bersandar pada perbicaraan kepada laporan yang diberikan menurut Perintah 18, aturan 11(1A) atau (1B) tetapi, jika suatu pihak yang menuntut ganti rugi kerana kecederaan diri mendedahkan suatu laporan lanjut, laporan tersebut hendaklah disertakan dengan suatu pernyataan ganti rugi khas yang dituntut dan, dalam perenggan ini, "suatu pernyataan ganti rugi khas yang dituntut" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Perintah 18, aturan 11(1C).

Mesyuarat
pakar-pakar.
(P. 38, a. 32).

32. Dalam sebarang guaman atau perkara Mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, mengarahkan supaya diadakan mesyuarat "tanpa prasangka" pakar-pakar dalam tempoh sebelum atau setelah laporan-laporan mereka didedahkan sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Mahkamah, bagi maksud mengenalpasti bahagian-bahagian keterangan mereka yang dipersoalkan. Jika mesyuarat tersebut

diadakan, pakar-pakar boleh menyediakan suatu pernyataan bersama yang menunjukkan bahagian-bahagian keterangan mereka yang mereka persetujui, dan yang mereka tidak persetujui.

Pendedahan
sebahagian dari
keterangan
pakar.
(P. 38, a. 33).

33. Jika Mahkamah menganggap bahawa sebarang hal keadaan yang menyebabkannya tidak dikehendaki untuk memberikan suatu arahan di bawah aturan 31 berkaitan dengan hanya sebahagian dari keterangan yang diminta untuk dikemukakan, Mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, mengarahkan supaya keterangan yang selebihnya didedahkan.

Keterangan
pakar yang
terkandung
dalam
pernyataan.
(P. 38, a. 34).

34. Jika suatu permohonan dibuat di bawah aturan 30 berkaitan dengan keterangan pakar yang terkandung dalam suatu pernyataan dan pemohon mengatakan bahawa orang yang membuat pernyataan itu tidak dapat atau tidak patut dipanggil sebagai saksi, Mahkamah boleh mengarahkan bahawa peruntukan-peruntukan aturan-aturan 24 hingga 27 hendaklah dikenakan dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

Laporan pakar
yang didedahkan
oleh pihak
yang satu lagi.
(P. 38, a. 35).

35. Suatu pihak dalam sebarang guaman atau perkara boleh mengemukakan sebagai keterangan sebarang laporan pakar yang didedahkan kepadanya oleh mana-mana pihak lain menurut Bahagian ini.

Masa untuk
mengemukakan
laporan pakar
sebagai
keterangan.
(P. 38, a. 36).

36. Jika suatu pihak dalam sebarang guaman atau perkara memanggil sebagai saksi orang yang membuat suatu laporan yang telah didedahkan menurut suatu arahan yang diberikan di bawah aturan 31, laporan tersebut boleh dikemukakan sebagai keterangan pada permulaan pemeriksaan utama orang yang membuatnya atau pada masa lain sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Mahkamah.

Pembatalan
dan
pengubahan
arahan.
(P. 38, a. 37).

37. Sebarang arahan yang diberikan di bawah Bahagian ini boleh atas sebab yang mencukupi yang ditunjukkan dibatalkan atau diubah dengan suatu arahan yang kemudiannya yang diberikan pada atau sebelum perbicaraan guaman atau perkara tersebut."

Diperbuat pada hari ini 3 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1421 bersamaan dengan 2 haribulan September, 2000.

DATO SERI PADUKA SIR DENYS ROBERTS
KETUA HAKIM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.